

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Bab ini memberi gambaran awal tentang kajian berkaitan alam sekitar dalam novel-novel Sarawak melalui kritikan eko yang mempunyai nilai tersendiri dalam bidang kesusasteraan tanahair. Walaupun kajian-kajian terhadap novel yang dihasilkan penulis Sarawak mula mendapat perhatian meluas tetapi perbincangan hanya meliputi isu dan pengarang tertentu sahaja. Kajian ini telah menambahbaikkan gabungan ilmu dalam bidang sastera dan alam sekitar menjadikan kepelbagaian penelitian seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu yang lain. Pada masa yang sama, cara ini membantu pembaca memanfaatkan ilmu bantu diaplikasikan pengarang dalam karya, sekaligus membantu perkembangan trend sastera dunia di negara ini. Bab ini kemudiannya menyatakan kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan sarjana tempatan dan luar negara berkaitan kritikan eko dalam sastera. Walaupun banyak kajian tentang novel Sarawak pernah dilakukan, namun hanya satu kajian sahaja yang mengaitkan novel-novel berkenaan dengan kajian eko. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan menganalisis novel penulis Mahua di Sarawak. Sebanyak 16 buah novel terpilih yang dihasilkan penulis berasal dari negeri Sarawak dikaji berkisar tentang empat isu alam sekitar sahaja iaitu persaingan antara spesies dalam novel-novel penulis Sarawak, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, kesan guna tanah terhadap alam sekitar dan gaya bahasa dari sudut ekologi. Walaupun keempat-empat isu ini dianalisis secara berasingan, hakikatnya semua isu berkenaan saling mempengaruhi dan saling bertindak balas antara satu sama lain. Bab ini seterusnya menerangkan bagaimana bab-bab kajian diorganisasikan.

1.1 Latar Belakang Kajian

Isu alam sekitar merupakan isu sejagat yang menarik perhatian penulis untuk dikemukakan dalam karya mereka. Krisis alam sekitar yang berlaku pada masa kini tercetus selepas berlaku revolusi perindustrian di Eropah pada abad ke-18. Revolusi melebarkan gelombangnya untuk mendorong pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pertambahan populasi manusia. Namun, tanpa disedari revolusi industri telah mencetuskan masalah alam sekitar global. Sumber alam semulajadi telah dieksploitasi secara besar-besaran untuk aktiviti industri bagi menghasilkan barang keperluan manusia. Perkembangan urbanisasi terutama di bandar-bandar besar menyebabkan berlaku kepadatan dan kesukaran pengurusan persekitaran sehingga akhirnya turut mengganggu kesejahteraan kehidupan.

Kesedaran tentang krisis alam sekitar timbul dengan terbitnya sebuah buku tulisan Rachel Carson pada 1962 berjudul *Silent Spring*. Buku ini menjelaskan tentang kesan pencemaran terhadap alam sekitar akibat perindustrian kimia sehingga menimbulkan kesedaran awam untuk menangani krisis alam sekitar. Pada 1967 sebuah buku bertajuk *The Historical Roots Of Our Ecological Crisis* telah dihasilkan Lynn White yang memuatkan pandangan penulis itu berhubung faktor utama menyebabkan krisis alam sekitar, iaitu doktrin Yahudi-Kristian yang berpendapat bahawa tuhan mengizinkan eksploitasi alam sekitar demi kelangsungan hidup (halaman 155). Menurut Lynn (1967) pegangan ini menyebabkan masyarakat barat mengeksploitasi alam sekitar tanpa batasan berpandukan sains dan teknologi, sedangkan fenomena inilah yang menyebabkan kualiti alam sekitar terganggu dan merosot sama ada secara lokal atau global (Meeker, 1974). Persoalannya, adakah doktrin ini diterima pakai oleh semua? Bagaimana pula dengan amalan, kepercayaan, budaya dan pegangan masyarakat pribumi? Seterusnya, bagaimana doktrin yang mereka amalkan ini menyumbang terhadap krisis alam sekitar?

Kesusasteraan terhasil daripada kegiatan manusia dengan lingkungannya yang tersendiri, manakala lingkungan persekitaran pula berperanan mempengaruhi keperibadian dan kehidupan manusia. Novel-novel pasca merdeka yang dihasilkan golongan penulis tempatan Sarawak kaya dengan fenomena alam dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dipersekitarannya sehingga terhasil warna tempatan dalam karya. Pengarang Sarawak memikul tanggungjawab yang besar untuk menyelongkar, mengumpul, mengadun, mengetengah dan saterusnya mengembangkan tradisi dan nilai masyarakat Sarawak pelbagai etnik menerusi penghasilan karya dengan aspirasi tempatan (Latifah Arifin, 2009). Sastera akan mencatatkan dan menganalisis perihal manusia dan masyarakat yang mendasarinya sebagai pelengkap terhadap nilai dalam masyarakat itu sendiri yang akan dijiwai nilai murni insaniah, kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kewarganegaraan, kebudayaan dan nilai patriotism dalam kehidupan manusia (Shahnon, 1991). Kepelbagaian budaya dan etnik merupakan kelebihan yang dimanfaatkan ramai pengarang Sarawak dan menjadikannya sebahagian daripada sumber inspirasi penghasilan sesebuah karya bermutu tinggi dan menarik.

Di Malaysia karya-karya berlandaskan komponen unsur dan elemen alam sekitar dikesan sejak kemunculan karya sastera. Alam diterapkan dalam semua bentuk karya sama ada karya klasik, puisi atau sastera moden seperti novel melalui fungsinya sebagai alat perlambangan. Penulis mengkisahkan elemen alam semula jadi dalam karya untuk menyatakan lapisan makna tersembunyi melalui unsur alam dalam bentuk personafikasi, metafora dan sebagainya. Pada tahap awal, alam dijadikan lambang untuk menjelaskan maksud tertentu sahaja, tetapi seiring dengan kesedaran alam sekitar dan perkembangan semasa elemen dan unsur alam mula diserap ke dalam karya dengan lebih berfungsi dan mendalam. Pengarang mula menyedari ketempangan revolusi industri di Eropah melalui impak yang ditonjolkan seperti kebocoran loji nuklear Chynobyll yang meragut ribuan nyawa. Pada masa ini juga impak daripada kegiatan

industri, pembalakan tanpa kawalan dan pembukaan kawasan ladang pertanian secara besar-besaran mula kelihatan secara perlahan-lahan sehingga mencetuskan idea kepada pengarang untuk memanfaatkannya dalam karya. Jadi, kajian ini dilakukan untuk melihat bagaimana pengarang mengemukakan kesan guna tanah terhadap persekitaran apabila dijalankan aktiviti pembalakan, pembinaan empangan dan pertanian. Siapa mendapat kesannya? Bagaimana aktiviti berkenaan meninggalkan impak kepada penduduk setempat?

Walau bagaimanapun, mutakhir ini kajian-kajian dan analisis terhadap karya-karya sastera tanahair mula berkembang seiring dengan perkembangan ilmu yang lain seperti budaya, falsafah, keagamaan, senibina, bioteknologi, sains tulen, perubatan dan kejuruteraan, sejajar dengan penghasilan karya-karya sastera itu sendiri yang dihasilkan dalam pelbagai bidang. Novel *Transgenesis* (2008) umpamanya menggabungkan bidang fiksiyen dan bioteknologi, *Kabus di Perbukitan* (2007) dan *Desir Angin di Pergunungan* (2008) menentang tentang pembangunan mampan, manakala beberapa buah novel lain seperti *Daerah Beta* (2009) berkaitan impak sisa radioaktif yang tidak diuruskan secara sempurna kepada kehidupan masyarakat setempat. Novel *Revolusi Kenyir* (2006) menentang kehidupan masyarakat rimba berhadapan perubahan hidup semasa Empangan Kenyir dibina. Isu-isu berkaitan masyarakat pribumi sama ada orang Asli, Penan, Iban dan masyarakat pribumi yang lain dipotretkan dalam novel-novel antaranya seperti *Randau Ruai* (2008), *Igau* (2008), *Ngayau* (1987) *Anak Belantara* (2011), *Perang Sangkil* (2007) dan *Salarom* (2008). Terhasilnya novel-novel yang kaya dengan elemen dan unsur semulajadi atau kepelbagaian unsur yang bersifat merentas disiplin menuntut analisis yang bersifat silang disiplin juga.

Shahnon Ahmad dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) telah mengemukakan hubungan yang erat antara manusia dan alam sekitar melalui konflik yang wujud antara keduanya. Konflik kepentingan antara dua spesis ini telah dipersembahkan dengan

jayanya dalam novel ini dan diakui oleh para sarjana. Zakaria Ali melalui novel *Empangan* (1991) pula cuba mengajak pembaca untuk berfikir tentang hubungkaitan antara manusia dan alam sekitar yang memerlukan satu hubungan yang harmoni. Pembinaan empangan mempunyai pelbagai konflik dengan alam sekitar seperti ancaman kepupusan flora fauna dan persekitaran semulajadi walaupun pada masa yang sama mempunyai kesan positif seperti peningkatan taraf ekonomi penduduk dari tenaga yang dihasilkan atau perkembangan industri pelancongan. Bertitik tolak daripada hal tersebut, kajian ini meneliti bagaimana pengarang menengahkan isu pembinaan empangan dan implikasinya kepada masyarakat pribumi. Bagaimana penulis mengangkat impak pembinaan empangan dalam karya?

Kajian ini meneliti wujudnya hubungan dan perkaitan antara teks dan alam yang terdapat dalam novel dihasilkan penulis Sarawak dari sudut persaingan antara spesies, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, kesan guna tanah terhadap persekitaran dan menilai komponen gaya bahasa untuk memaparkan persoalan alam sekitar dalam novel-novel Sarawak.

1.2 Permasalahan Kajian

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan pelbagai adat resam, budaya, kepercayaan dan amalan selain daripada keindahan buminya secara semulajadi. Kepelbagaian ini telah diserapkan ke dalam bentuk karya. Penulis Barat, Emilio Salgari telah mengangkat tentang alam, wira, masyarakat, etnik dan budaya di Borneo dalam novelnya *La Tigre della Malesia* (Harimau Malaysia Wajar Dicontohi) (Latifah Arifin, 2012). Menurut Sahlan Mohd Saman (2002), pengarang negeri Sarawak masih mempertahankan unsur lokal "Sarawakness" yang dimiliki bermula *Hikayat Panglima Nikosa* (1876) sehingga novel mutakhir seperti *Persimpangan* (1991) dan *Kelingkang* (1998) melalui watak, latar, pengisian cerita dan unsur dialog dalam

gaya bahasa. Ini menjadikan pengarang negeri ini kelihatan unik dan terserlah jati diri berdasarkan warna setempat yang dipaparkan. Dengan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauhmana unsur “Sarawakness” tersebut dikekalkan dalam karya apabila melibatkan persoalan berkaitan alam sekitar, terutama hubungan antara pribumi dan alam serta kuasa supernatural.

Kajian Durin, et. al. (2011) melihat pengaruh ngayau dalam motif-motif Pua Kumbu masyarakat Iban, manakala Awang Hasmadi (1984) lebih awal menganalisis tentang ngayau dalam karya sastera (novel) menggunakan pendekatan antropologi. Kajian Awang Hasmadi ini didapati lebih mendalam sehingga meneliti tentang susur galur masyarakat Kayan, Melanau dan etnik lain yang terlibat serta sosiobudaya negeri Sarawak. Kajian ini juga menganalisis novel dari sisi antropologi dan latar belakang masyarakat Dayak Sarawak pada kurun ke-19 termasuk amalan budaya, kepercayaan dan cara hidup mereka, tanpa mengaitkan kajian itu dengan struktur alam sekitar. Menyedari wujudnya pengasingan kajian mengikut bidang yang dilakukan sebelum ini, kajian ini meneliti tentang bagaimana manusia berinteraksi dengan komponen alam sekitar. Berdasarkan hubungan antara komponen-komponen alam sekitar dan interaksi dengan manusia berkenaan, akan dikaitkan pula dengan isu-isu yang ditampilkan pengarang dalam karya. Kajian ini bukan sekadar menyenaraikan kehadiran unsur dan elemen alam sekitar dalam karya berdasarkan kategori flora dan fauna yang sering memaknakan sesebuah karya, namun mengupas bagaimana sesuatu isu yang dicetuskan berfungsi dan memberi kesan terhadap persekitaran.

Kedudukan geografi negeri Sarawak yang berada di Borneo dengan keluasannya 124 449 km persegi (Ahmad Nizammudin, 1994) menyebabkan pembangunan berlaku secara tidak menyeluruh. Kawasan seperti Kuching, Sibulintulu dan Miri didapati mengecap kemajuan lebih cepat berbanding kawasan-kawasan pedalaman yang lain. Ini mewujudkan satu bentuk perbezaan pembangunan antara bandar dan luar bandar,

ditambah lagi bentuk muka bumi Sarawak yang berbukit bukau dan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air bersih dan elektrik yang terhad. Jalan udara dan jalan air digunakan sebagai perhubungan di kawasan-kawasan tertentu. Situasi ini telah mendapat perhatian pengarang tempatan untuk disisipkan dalam karya mereka. Jong Chian Lai umpamanya, menggunakan isu pembalakan haram dan kesedaran untuk mempertahankan alam dalam novel *Pindah* (1988). Kesedaran yang sama masih lagi diteruskan dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) dengan menampilkan watak Ungging yang sanggup menggadai nyawa dan menolak kepentingan diri sendiri semata-mata mahu menyelamatkan alam sekitar yang didiaminya. Ini diikuti dengan novel *Suara dari Rimba* (2008), mengangkat dilema dialami lebih kurang tiga peratus masyarakat penan daripada Masyarakat Orang Ulu di Sarawak yang masih mengamalkan cara hidup nomad berhadapan dengan krisis alam sekitar. Persoalannya, bagaimana masyarakat pribumi berhadapan dengan persaingan ini? Apa kesannya? Mengapa usaha pihak kerajaan membawa golongan pribumi hidup cara moden gagal?

Alam sekitar sosial dan budaya juga dapat dilihat dengan jelas dalam karya-karya penulis Sarawak. Negeri Sarawak yang dihuni 27 kaum mempunyai kepelbagaian alam sekitar sosial yang amat ketara. Hal ini sering diketengahkan dalam karya penulis tempatan melibatkan isu-isu agama, kepercayaan, adat resam dan cara hidup serta interaksi sosial yang berlaku antara manusia dan persekitaran. Isu-isu berkenaan amat jelas dipencarkan melalui novel *Kelingkang* (1998), *Pindah* (1988) dan *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) dengan mengangkat pelbagai adat resam dan cara hidup masyarakat tempatan seperti upacara Gawai, miring, upacara korban dan sebagainya. Pelbagai warna tempatan yang telah diserap dalam novel-novel ini mempunyai nilai yang tersendiri dilihat daripada perspektif alam sekitar, berbeza dengan doktrin Yahudi-kristian yang membenarkan eksploitasi terhadap persekitaran.

Walau bagaimanapun, persoalannya, adakah masyarakat pribumi berinteraksi secara lestari dengan alam sekitar berlandaskan amalan dan kepercayaan nenek moyang mereka semata-mata, ataupun kerana kekurangan ilmu tentang persekitaran mereka sendiri ataupun disebabkan ketidakupayaan untuk menguasai alam berbanding masyarakat luar yang lain? Bagaimana peribumi berhadapan dengan pelbagai bentuk persaingan?

Kesan pembangunan negara juga diserlahkan melalui pelbagai bentuk alam sekitar yang lain seperti pencemaran, kesesakan lalu lintas di bandar besar, banjir kilat, kemusnahan ekologi, pembinaan empangan dan sebagainya. Walau bagaimanapun kesan positif yang dibawa oleh pembangunan juga perlu diambil kira seperti memudahkan perhubungan apabila dibina jalan raya, memajukan taraf hidup sosial dan ekonomi penduduk tempatan dan sebagainya. Konflik antara pembangunan dan pengekal nilai tradisi daripada pelbagai sudut seperti corak hidup, amalan dan kepercayaan tradisi menyebabkan berlaku pertembungan kepentingan, terutama apabila masyarakat pribumi tidak mampu menerima perubahan. Bagaimana pembangunan memberi kesan kepada masyarakat pribumi? Apakah kesan gangguan alam yang perlu pribumi hadapi apabila pembangunan dilakukan di kawasan mereka dan bagaimanakah mereka berdepan dengan situasi tersebut?

Pada masa ini, analisis berkaitan alam sekitar yang dilakukan dalam novel-novel Melayu terutama novel yang dihasilkan penulis Sarawak masih kurang mendalam berbanding analisis dari sudut lain. Golongan pengkritik menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengkritik karya sastera, namun kritikan berkenaan hanya satu kupasan ringkas tentang perkaitan yang wujud dalam karya dengan ilmu bantu yang digunakan (Mohd. Hanafi Ibrahim, 2001). Perkaitan dengan alam sekitar hanya disebut dalam kajian tanpa memahami bagaimana salingkaitan antara alam sekitar dan sastera itu berlaku. Analisis alam sekitar dalam novel pengarang Sarawak ini akan mendalami

perkaitan dan hubungan antara karya dan alam sekitar. Kajian berkaitan persaingan antara spesies dalam novel-novel Sarawak belum pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji sastera di Malaysia walaupun terdapat banyak novel dihasilkan penulis Sarawak mempunyai hubungan yang erat dengan persaingan setiap spesies sama ada persaingan antara manusia dan manusia atau persaingan antara manusia dan alam sekitar. Hubungkaitan antara karya dan isu-isu alam sekitar yang ditemui berkenaan akan menyerlahkan kekuatan dan kematangan karya berkenaan dari sudut yang berbeza daripada pendekatan yang lain.

Secara keseluruhan, terdapat empat isu berkaitan alam sekitar dikupas dalam kajian ini merangkumi isu-isu berikut;

1. persaingan antara spesies dalam novel-novel penulis Sarawak
2. kesan guna tanah terhadap alam sekitar dalam novel-novel penulis Sarawak,
3. kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran yang terdapat dalam novel-novel dihasilkan penulis Sarawak, dan
4. Menilai komponen gaya bahasa yang memaparkan persoalan alam sekitar dalam novel-novel Sarawak

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang berkisar tentang isu-isu alam sekitar dalam novel-novel Sarawak, kajian ini akan memenuhi objektif berikut;

1. mengenalpasti krisis alam sekitar yang diterapkan dalam novel-novel penulis Sarawak.
2. menganalisis bentuk persaingan antara spesies yang terdapat dalam novel-novel penulis Sarawak.
3. menganalisis punca kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dalam novel-novel penulis Sarawak.

4. menganalisis kesan guna tanah terhadap alam sekitar dalam novel-novel penulis Sarawak.
5. Menilai komponen gaya bahasa yang digunakan untuk memaparkan persoalan alam sekitar dalam novel-novel Sarawak

1.4 Persoalan Kajian

Terdapat empat persoalan yang memerlukan jawapan melalui kajian ini, iaitu;

- i. Bagaimanakah persaingan antara spesies diketengahkan dalam novel-novel dihasilkan oleh penulis dari Sarawak?
- ii. Bagaimanakah pengarang menyerlahkan kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dalam novel?
- iii. Apakah kesan guna tanah yang menjadi pilihan pengarang dalam novel?
- iv. Bagaimana pengarang menggunakan gaya bahasa sebagai perantaraan untuk menengahkan isu alam sekitar dalam novel?

1.5 METODOLOGI KAJIAN

1.5.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini melibatkan kaedah kepustakaan, iaitu pengumpulan bahan di Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka cawangan Kuching, Perpustakaan Tun Jugah Kuching, Perpustakaan UNIMAS, Jabatan Alam Sekitar dan sebagainya. Pelbagai maklumat dikumpul terdiri daripada buku-buku, jurnal, kertas kerja, akhbar dan semua koleksi berkaitan. Kajian ini juga memerlukan banyak maklumat dan data di jabatan dan kementerian tertentu seperti

Kementerian Perancangan Sumber dan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak, Unit Perancang Negeri Sarawak dan lain-lain.

Kajian ini juga melibatkan temu bual dengan tiga orang tokoh di Jabatan Ketua Negeri Sarawak iaitu;

- I. Andrew Tukau Salang, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Alam Sekitar), Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Negeri Sarawak.
- II. Nikolas, Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Negeri Sarawak.
- III. Mareaia Datuk Hasan, Penolong Pengarah Unit Perancang Negeri, Jabatan Ketua Negeri sarawak

Seterusnya, kajian ini menganalisis novel-novel Sarawak terpilih menggunakan kritikan eko dengan menganalisis dari sudut persaingan antara spesies, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, kesan guna tanah terhadap alam sekitar dan gaya bahasa dari sudut ekologi yang terdapat dalam novel-novel pengarang Sarawak pilihan. Kajian ini seterusnya meneliti tentang bagaimana pengarang mengetengahkan hubungan yang wujud antara karya dan alam, selain daripada melihat susur-galur dan sejarah kemunculan Kritikan Eko, ruang lingkup dan kajian para sarjana tentang kritikan ini (diperincikan dalam 1.5.3).

1.5.2 Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada empat isu alam sekitar yang dimuatkan dalam novel penulis Sarawak sahaja. Novel-novel ini melibatkan novel-novel bacaan umum yang diterbitkan dalam era lapan puluhan, sembilan puluhan dan tahun 2000. Hanya novel mempunyai kaitan yang relevan dengan tiga isu alam sekitar sahaja dipilih untuk dianalisis dan dikaji. Novel-novel yang telah dikenalpasti terdiri daripada;

1. Douglas Jaga. 1998. *Kelingkang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Hamlin Bolhi. 2001. *Nganyau Air*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Harry Usup Umbar. 2008. *Libau Rentap Rimba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Idris Boi. 2006. *Sumpah Anak Bumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Jali Hj Kenoi. 2002. *Mesap*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
6. Jais Sahok. 2002. *Ngoncong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Jais Sahok. 2001. *Jagung Pulut Pusaka Moyang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Jaya Ramba. 2008. *Bara Yang Menyala*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
9. Jong Chian Lai. 1988. *Pindah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Jong Chian Lai. 1990. *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. Jong Chian Lai. 1994. *Pemberontakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
12. Jong Chian Lai. 2008. *Suara Dari Rimba*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
13. Jaya Ramba. 2002. *Sempadan Dendam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
14. Mohamad Faizal Jamil. 2007. *Anak Ruma' Kadang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

15. Mohd. Faizal Jamil. 2007. *Katarsis Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
16. Sarimah Alit. 2007. *Naluri Hidayah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kajian ini hanya memfokuskan kehadiran alam sekitar terpilih dalam novel-novel penulis tempatan Sarawak, iaitu;

- i. Persaingan antara spesies,
- ii. Kemerosotan alam sekitar akibat pencemaran,
- iii. Kesan guna tanah terhadap alam sekitar, dan
- iv. Komponen gaya bahasa berkaitan ekologi digunakan pengarang dalam novel

Isu-isu ini dianalisis secara berasingan dalam bab tiga, empat, lima, dan enam. Memandangkan bidang alam sekitar bersifat sejagat dan sangat luas cakupannya, kajian ini akan hanya memfokuskan terhadap empat isu sahaja berdasarkan sebab berikut;

1. Kajian tentang elemen alam sekitar terutama alam sekitar semulajadi kerap dinilai oleh ramai pengkaji dari sudut flora, fauna dan alam sekitar fizikal yang lain. Kajian ini menganalisis dari sudut berbeza bagi meluaskan aplikasi karya.
2. Pembalakan adalah isu besar dan sensitif di Sarawak terutama pembalakan haram sehingga berlaku pemuluan kayu dari Malaysia dengan alasan Malaysia mengamalkan eksploitasi hutan, walaupun aktiviti pembalakan di Sarawak masih berada pada tahap terkawal.
3. Para pencinta alam sekitar dan NGOs Barat mendakwa Malaysia mengabaikan dan menindas masyarakat pribumi, merampas Hak Tanah Adat (NCR) dan

gagal menyediakan kemudahan infrastruktur, sedangkan hanya 2 hingga 3 peratus sahaja yang hidup nomad dan lambat beradaptasi dengan perubahan.

4. Persaingan antara spesies tidak pernah dianalisis oleh mana-mana pengkaji sastera di Malaysia apabila melakukan kajian tentang hubungan antara karya dan alam sekitar, sedangkan terdapat banyak novel dihasilkan mempunyai hubungan yang erat dengan persaingan setiap spesies sama ada persaingan sesama manusia atau antara manusia dan alam.
5. Novel-novel yang dihasilkan penulis Sarawak sangat dekat dengan dunia hutan yang menjadi sumber ekonomi utama negeri ini seperti pembinaan empangan, pembalakan dan pembukaan tanah untuk pertanian.
6. Masalah alam sekitar tidak berlaku secara sendirian tetapi dicetuskan oleh beberapa masalah lain secara serentak, seterusnya mencetuskan masalah alam sekitar yang serius akibat kegagalan menstabilkannya secara semulajadi.

Walaupun ketiga-tiga isu ini dianalisis secara berasingan, semua isu berkenaan saling mempengaruhi dan bertindak balas. Persaingan antara spesies menyebabkan berlaku eksploitasi untuk menampung kehidupan. Manusia bersaing sesama manusia untuk memenuhi pelbagai kehendak, manusia juga bersaing dengan alam untuk mendapatkan sumber ekonomi dan makanan. Ini menyebabkan manusia rakus meneroka dan menindas untuk memperolehi sumber ekonomi sehingga berlaku eksploitasi terhadap alam. Akhirnya, berlaku kemerosotan mutu alam sekitar dalam bentuk pencemaran (air, udara, bunyi) dan kepupusan spesies serta memberi kesan kepada kehidupan mereka semula.

Walaupun kajian ini melibatkan sebanyak 16 buah novel, namun novel-novel berkenaan hanya berkaitan isu tertentu sahaja, contohnya novel *Jagung Pulut Pusaka*

Moyang hanya dianalisis pada bahagian kesan guna tanah terhadap alam sekitar sahaja. Novel *Naluri Hidayah*, *Pemberontakan*, dan *Sumpah Anak Bumi* pula dianalisis dalam persaingan antara penjajah dan masyarakat pribumi sahaja. Sekiranya dihadkan pemilihan novel kajian kepada novel tertentu, maka perbincangan terhadap isu alam sekitar yang dipilih tidak dapat dianalisis dengan lebih mendalam mengikut fokus kajian. Pengarang memaparkan elemen alam sekitar tertentu sahaja di dalam novel, sedangkan terdapat banyak aspek dilibatkan dalam kajian ini.

1.5.3 Kajian Eko dalam Novel Sarawak

Sastera menampilkan gambaran kehidupan sosiobudaya masyarakat dan memantulkan bagaimana hubungan tersebut terjalin. Idea, gagasan dan pemikiran pengarang disampaikan kepada masyarakat melalui tulisan yang dicerna daripada alam sekeliling berdasarkan apa yang dilihat, ditanggapi, diingat, diimpikan, dan difantasikan melalui perantaraan bahasa (Teeuw, 1984; Nik Rafidah et al., 2010). Setiap unsur alam mempunyai ragam keindahan yang menakjubkan sehingga menjadi inspirasi kepada pemikiran manusia dan disalurkan dalam karya (Haron Daud, 2002; Zurinah Hassan, 2001; Shahnnon Ahmad, 1992). Menurut Shahnnon Ahmad (1992), Pengalaman manusia tentang alam melahirkan kemanusiaan dalam teks. Hubungan sastera dan alam semula jadi dapat dilihat dengan lebih jelas melalui ekologi. Kritikan eko mencari titik persamaan antara manusia dan bukan manusia untuk menunjukkan bagaimana kedua-dua elemen ini boleh wujud secara bersama dengan berbagai-bagai cara sehingga kewujudannya dalam karya menjadi lambang tentang usaha untuk meletakkan kritikan ini seganding dengan kajian sastera lain (Oppermann, 1999). Kajian ini menganalisis novel-novel Sarawak berlandaskan Kritikan eko terutama dari komponen bahasa yang digariskan William Howarth (1996).

Howarth (1996) mengemukakan empat prinsip Kritikan Eko iaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan yang menawarkan kombinasi teori dan method bagi mengkritik dan menilai penulisan tentang alam semula jadi. Ekologi merupakan satu disiplin sains yang besar berkaitan hubungan alam semula jadi dengan budaya. Falsafah tentang etika pula menimbulkan konflik tentang sejarah sosial dan bagaimana etika diamalkan. Bahasa yang digunakan pengarang akan menerangkan tentang perkataan mewakili manusia dan bukan manusia, manakala kritikan akan menganalisis tentang kualiti karya tersebut.

William Rucckert dalam esainya “Literature and Ecology: An Experiment in Ecocriticism” (1978) telah menguji pendekatan ekologi dan konsep ekologi untuk mengkaji sastera. Ekologi (sebagai sains, sebagai satu disiplin dan sebagai dasar kepada visi manusia) dilihat mempunyai hubungan yang paling hebat pada masa ini dan akan datang (Newman, 2001; enote, 2004). Sastera berperanan menyediakan menyediakan masyarakat tentang kepentingan alam semulajadi.

Kesedaran tentang krisis alam sekitar mulai timbul ekoran terbitnya sebuah buku bertajuk *Silent Spring* (1962) hasil kajian Rachel Carson. Kesedaran alam sekitar tersebut menarik perhatian golongan saintis dan mempengaruhi para sarjana di dalam bidang lain termasuk sastera. Menurut Lynn White Jr. (1967) dalam *The Historical Roots of Our Ecological Crisis*, menyatakan bahawa faktor utama yang mengakibatkan krisis alam sekitar berpunca daripada doktrin Yahudi-Kristian yang dikatakan mengamalkan worldview “Tuhan mengizinkan mereka mengeksploitasi alam sekitar demi kelangsungan hidup” (Talukder & Hossain, 2010; 84). Pegangan ini menyebabkan berlaku mengeksploitasi alam sekitar tanpa batasan sehingga mengganggu keseimbangan alam dan menyumbang ke arah kemerosotan kualiti alam sekitar secara lokal dan global.

Eksplotasi alam berlaku apabila guna tanah terhadap alam sekitar dilakukan secara berleluasa melalui pelbagai aktiviti pembangunan, pembukaan tanah pertanian,

pembalakan, dan pembinaan empangan seperti terdapat dalam novel *Pindah* (1988), *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Suara Dari Rimba* (2008) dan *Anak Ruma' Kadang* (2007). Walaupun krisis alam sekitar berlaku disebabkan tradisi budaya di Barat yang memisahkan alam semula jadi dan budaya penguasaan moral, tetapi hubungan antara manusia dan alam boleh juga berlaku secara lestari melalui hubungan mampan yang seimbangkan antara pembangunan manusia dan persekitaran dengan melaksanakan satu bentuk interaksi yang sihat (Meeker, 1974). Pengarang menyentuh tentang konsep pembangunan berbentuk lestari berkaitan pembalakan mampan dalam novel *Suara Dari Rimba* (2008) dan pertanian lestari dalam novel *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001).

Hubungan manusia dan persekitaran adalah entiti penting yang menyumbang kepada keseimbangan alam (Buell, 2005). Eksploitasi menyebabkan berlaku kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran yang boleh dilihat dalam bentuk pencemaran air, bunyi dan udara. Bentuk pencemaran ini diterap oleh penulis dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) dan *Suara Dari Rimba* (2008). Hubungan ini berbeza dengan masyarakat tradisi yang amat peka dengan unsur-unsur alam yang melingkari kehidupan mereka sama ada daripada aspek sosiobudaya, kepercayaan mahupun ekonomi (HB Jassin, 1968). Dalam pengalaman manusia tradisional, hidup manusia bukan sahaja bergabunglin dengan alam, malah saling berkongsi sifat dan ciri yang sama (Buell, 2005). Dalam beberapa buah novel Sarawak seperti *Kelingkang* (1998), *Mesap* (2002), *Ngoncong* (2002) dan *Jagung Pulut Pusaka Moyang* (2001), unsur perlambangan yang mengandungi tanda dan petanda diterjemahkan pengarang melalui mimpi, amalan, kepercayaan dan adat resam masyarakat pribumi sehingga wujud persaingan antara pribumi dan alam serta persaingan antara masyarakat pribumi dan tuhan atau kuasa supernatural yang sukar diterjemahkan melalui kanta saintifik. Walau bagaimanapun, pengertian bersifat

supernatural dan spiritual tentang alam, sekurang-kurangnya berjaya menahan eksploitasi tanpa batasan pada tahap tertentu. Tanpa amalan dan fahaman supernatural, alam ini akan dieksploitasi dan ditakluk dengan lebih agresif berbanding situasi yang ada pada hari ini (Nasr, 1984).

Menurut Odum (1953), kritikan Eko merupakan satu kajian mengenai struktur dan fungsi alam semulajadi, iaitu kajian mengenai organisma dan hubungannya dengan sekitaran. Oleh itu, ekologi adalah suatu bidang yang mempelajari atau mengkaji hubungkait di antara organisma dan persekitaran tabiinya seperti bagaimana organisma menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling, bagaimana organisma menyebarkan kelompok dan bagaimana pula organisma boleh bertambah dan berkurang (Abdul Razak Abd. Rahman, 2001; Siahaan, 2004). Kritikan Eko meluaskan analisis terhadap hidupan dan kawasan semulajadi dan mengubah pandangan terhadapnya serta budaya yang menjadi sebahagian dari tempat perlindungan kehidupan (Cohen, 2004). Dalam teori sastera, "dunia" merujuk kepada masyarakat, tetapi kritikan eko telah meluaskan idea "dunia" untuk memasukkan semua ekosfera sejajar dengan undang-undang pertama dalam ekologi, iaitu "semuanya disambungkan kepada semua orang lain," (Barry, 1996:108). Bersandarkan prinsip tersebut, kajian ini turut menganalisis tentang persaingan antara spesies meliputi persaingan intraspesies dan persaingan interspesies bersandarkan beberapa buah novel seperti *Cinta Qatrunnada* (2008), *Bara Yang Menyala* (2008); *Cinta dan Inspirasi* (2004), *Mesap* (2002), dan *Kelingkang* (1998). Kedua-dua kategori ini mengklasifikasikan persaingan antara spesies kepada beberapa bahagian kecil yang lain seperti persaingan antara manusia dan manusia dan persaingan antara manusia dan alam, termasuk sub persaingan seperti persaingan antara pribumi dan masyarakat luar, persaingan antara penjajah dan masyarakat tempatan dan persaingan antara penjajah dan alam.

Dalam kajian ini juga Kritikan eko gaya William Howarth (1996) telah dijadikan model bagi menganalisis tentang gaya bahasa yang digunakan pengarang dalam teks kajian bagi menterjemahkan persoalan alam sekitar. Analisis berkenaan merangkumi penggunaan lambang dan bahasa kiasan di dalam karya. Analisis lambang melibatkan penggunaan unsur abiotik dan unsur biotik, manakala bahasa kiasan merangkumi penggunaan metafora, simili dan personifikasi yang terdapat dalam teks kajian.

1.5.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai nilai tersendiri dalam bidang kesusasteraan. Kajian akan menambahbaikkan gabungan ilmu dalam bidang sastera dan alam sekitar yang kecil bilangannya dalam kesusasteraan Melayu. Kepentingan lain kajian ini ialah;

- i. Melihat karya sastera dari sudut dan pendekatan yang pelbagai, kepelbagaian akan mengembangkan ilmu sastera seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu lain.
- ii. Aplikasi ilmu sastera dan alam dari pelbagai sudut lain telah lama berkembang tetapi perkembangannya terlalu lambat di asia, penyelidikan ini menjadi pemangkin kearah penyelidikan yang lebih mantap pada masa hadapan.
- iii. Pengarang cenderung menggunakan nilai intelektual dan realiti sebagai saluran pemikiran dalam karya.
- iv. Kepelbagaian kajian dalam bidang sastera perlu dihalusi dan dikembangkan di Malaysia seiring dengan perkembangan arus sastera dunia.

1.6 Konsep-konsep

Bahagian ini akan menghuraikan tentang konsep, definisi dan ruang lingkup beberapa istilah yang digunakan secara meluas dalam kajian ini. Istilah-istilah dalam bidang alam sekitar ini perlu difahami makna, konsep dan hubungannya dengan alam sekitar agar tidak wujud kekeliruan. Terdapat beberapa istilah digunakan secara kerap dalam kajian ini, antaranya;

1. Alam sekitar
2. Ekologi
3. Ekosistem
4. Kritikan Eko
5. Spesies
6. Persaingan antara Spesies

1.6.1 Alam sekitar

Alam sekitar atau ‘environment’, merupakan kata pinjam dari Bahasa Perancis (Environner) yang bermaksud “meliputi”, iaitu segala yang terdapat di sekeliling manusia (Shepard, 1973; Abdullah mohammad said, 1999; Mohd Zuhdi & Amer Saifude, 2002). Jagat raya atau alam semesta ialah ruang yang tidak terbatas yang di dalamnya terdiri daripada semua unsur termasuk tenaga dan radiasi (Siahaan, 2004). Secara mudah, alam sekitar dibahagikan kepada alam sekitar fizikal dan alam sekitar manusia. Alam sekitar fizikal yang menjadi “tapak” kepada semua aktiviti manusia mempunyai satu sistem proses semulajadi yang sangat besar. Alam sekitar fizikal menawarkan pelbagai fungsi kepada kehidupan manusia yang terdiri daripada komponen-komponen atmosfera (udara), litosfera (batuan) dan pedosfera (tanah), hidrosfera (air) dan biosfera (flora dan fauna) yang akan berinteraksi secara timbal balik


antara satu dengan lain untuk mewujudkan keseimbangan yang dinamik (Goudie, 1992; Park, 1997).

Ahli ekologi seperti Bartelmus (1986), James M. Baldwin (1986) dan Christman et. al (1974) berpendapat bahawa alam sekitar merupakan kesemua keadaan dan pengaruh luaran yang memberi kesan kepada kehidupan dan perkembangan organisma dengan membahagikannya kepada beberapa bahagian iaitu;

- i. litosfera merupakan bahagian di bawah permukaan bumi sehingga 60km ke dalam pusat bumi;
- ii. atmosfera meliputi bahagian di sekeliling permukaan bumi yang dipenuhi gas;
- iii. hidrosfera terdiri daripada air seperti sungai, tasik, lautan, tumpukan ais dan sebagainya;
- iv. biosfera merupakan lingkungan yang boleh dihuni benda-benda bernyawa.

Perspektif 'ekologi', menekankan kepentingan terhadap manusia yang menjadi sebahagian daripada alam sekitar. Berdasarkan pertalian itu, manusia sepatutnya menjaga alam sekitar, bukan memusnah atau menindas seperti dinyatakan Ward dan Dubos (1972) yang berpendapat bahawa manusia mesti bertanggungjawab untuk menjaga alam sekitar dan menggunakan strategi pengurusan bersesuaian berdasarkan prinsip ekologi. Hubungan antara manusia dengan alam sekitar berlaku secara dua hala iaitu manusia dipengaruhi oleh alam sekitar dan pada masa yang sama manusia mempunyai keupayaan mengubah alam sekitar, seperti diungkapkan dalam rajah berikut;

Rajah 1.1 Komponen Alam Sekitar Fizikal (Jamaluddin Jahi, 2010)




Pendekatan ekologi dan ekosistem dalam kajian tentang hubungan manusia dengan alam sekitar banyak digunakan, umpamanya oleh Ackerman (1963), Simmons (1966), Arville (1967), Stoddart (1967), Comner (1971), Ehrlich dan Harriman (1971); Odum (1971), Klotz (1972), Edington dan Edington (1977), Turk et al (1978), Park (1980), Aiken et al. (1982), dan Douglas (1983). *Dictionary of Ecology and Environment* (1992) memperincikan definisi alam sekitar melalui empat takrifan utama iaitu;

- i. Alam sekitar adalah semua istilah yang berkait dengan pengaruh luaran seperti pancaran suria, suhu, kelembapan dan lain-lain yang memberi kesan kepada pertumbuhan, kesihatan dan aktiviti organisma.
- i. Alam sekitar ialah keseluruhan keadaan dan pengaruh luaran yang mempengaruhi kehidupan, perkembangan dan kelangsungan hidup sesuatu organisma.
- ii. Alam sekitar adalah keseluruhan faktor dan entiti hidup dan bukan hidup yang bersifat saling berkesimbangan dalam kehidupan organisma.
- iii. Alam sekitar merujuk kepada semua fenomena fizikal, kimia dan biologi termasuk budaya yang melingkungi kehidupan.

Selain alam sekitar fizikal, komponen alam sekitar juga terbahagi kepada komponen manusia yang terdiri daripada persekitaran sosial, ekonomi, politik dan budaya yang diukir dan dibentuk oleh manusia (Siahaan, 2004). Tema manusia dan persekitarannya menjadi salah satu daripada tema yang digunakan oleh ahli geografi untuk menyusun pemikiran mereka, khususnya dalam konteks perbezaan kawasan dan geografi terutama berhubung perubahan landskap. Manusia merupakan sebahagian daripada alam sekitar fizikal di dalam komponen biosfera dan merupakan satu-satunya makhluk yang berkemampuan untuk melindungi alam sekitar walaupun mempunyai pelbagai kepentingan dan keperluan. Walau bagaimanapun, fenomena sosial seperti ini merupakan pengertian alam sekitar menurut pengajian Sains Sosial. Rajah 2.2 di bawah memaparkan bagaimana setiap komponen alam sekitar fizikal berinteraksi dan berkemampuan untuk memenuhi keperluan manusia.

Rajah 1.2 Interaksi Antara Komponen Alam Sekitar Fizikal dan Manusia (Jamaluddin Jahi, 2010)



1.6.2 Ekologi

Ekologi adalah bidang biologi persekitaran, iaitu menjelaskan hubungan antara organisma, tumbuhan dan haiwan dalam habitat semula jadi (Abdull Razak Abd. Rahman, 2001; 133). Menurut Reiter (1865), istilah ekologi berasal daripada dua perkataan Greek iaitu 'Oikos' yang bermaksud "rumah" atau kediaman dan 'Logos' yang bermaksud "kajian mengenai sesuatu..." (Choeng, Lee & Liew, 1997). Ini bermaksud, ekologi ialah suatu kajian tentang organisma "di rumah", iaitu pertalian organisma atau kumpulan organisma dengan persekitarannya, atau sains yang saling berkaitan dengan organisma hidup dan persekitarannya (Odum, 1996; 4).

Ernst Haeckel (1869) dan Tansley (1935) berpendapat, gabungan kata Yunani berkenaan sebagai ilmu pengetahuan yang mempelajari seluruh hubungan atau interaksi antara organisma dengan persekitaran yang bersifat organik mahupun bukan organik, iaitu satu kajian yang bersifat timbal balik antara organisma dan persekitarannya. Mengikut Howarth (1996), "*...ecology describes the relations between nature and culture*" (halaman 71). Alam semulajadi bukan sahaja berhubungan dengan manusia tetapi juga organisma yang lain. Salah satu cabang ekologi ialah ekologi manusia yang meneliti ekosistem (unit asas yang wujud hasil daripada saling tindakan antara komponen-komponen hidup dan bukan hidup) yang terjadi kesan daripada tindakan manusia (Nor' Aini, 1992; Saberi Othman, 1986). Kesimpulannya, ekologi merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari ilmu biologi. Ekologi merupakan sebahagian kecil dari Biologi yang luas cakupannya termasuk organisma, populasi, komuniti, ekosistem, dan biosfera, termasuk mempelajari tentang bagaimana reaksi daripada organisma atau individu atau kelompok individu terhadap persekitaran atau sebaliknya.

1.6.3 Ekosistem

Ekosistem adalah suatu unit ekologi yang di dalamnya terdapat hubungan, interaksi atau hubungkaitan antara benda hidup (biotik) dan benda bukan hidup (abiotik) berlandaskan struktur dan fungsi serta kepelbagaian spesies. Konsep ekosistem merujuk kepada interaksi hidupan dengan unsur-unsur asas alam sekitar dalam hubungan yang saling berkait rapat dan berlaku secara timbal balik. Tingkat organisasi ini dikatakan sebagai suatu sistem karena memiliki komponen-komponen dengan fungsi yang berbeza, terjalin secara baik sehingga setiap komponen mempunyai hubungan bersifat timbal balik. Ekosistem mempunyai struktur yang kompleks, memiliki kepelbagaian spesies yang saling mempengaruhi dan bergantung antara satu dengan yang lain.

Istilah ekosistem (*ecosystem*) dikatakan digunakan oleh Roy Clapham pada tahun 1930 untuk menerangkan komponen-komponen fizikal dan biologi alam sekitar yang berhubung kait antara satu sama lain sebagai satu unit. Arthur Tansley, seorang ahli ekologi kemudian memberi definisi yang lebih mendalam tentang ekosistem, sebagai "Seluruh sistem... termasuk organisma kompleks dan faktor-faktor fizikal merupakan alam sekitar" (Tansley, 1935; Odum, 1993). Odum (1971), salah seorang pengasas kajian ekologi sains berpendapat, "Mana-mana unit atau organisma dalam sesebuah komuniti yang berinteraksi dalam alam fizikal akan menghasilkan satu kitaran tenaga yang jelas menerangkan tentang struktur tropik (*trophic structure*), biodiversiti dan kitaran hidupan". Ekosistem boleh dikaji dan dibahagikan kepada skop yang luas serta menerangkan situasi hubung kait antara hidupan dengan alam semula jadi.

Ekosistem merupakan kesatuan secara kompleks yang di dalamnya terdapat habitat, tumbuhan, dan binatang yang dipertimbangkan sebagai unit kesatuan secara utuh, sehingga semuanya menjadi sebahagian daripada sumber dan aliran tenaga. Menurut Odum (1993) semua ekosistem mempunyai struktur dasar yang terdiri daripada empat komponen, iaitu komponen abiotik, biotik, pengguna dan

pengurai. Ekosistem berfungsi menunjukkan hubungan sebab akibat yang terjadi secara keseluruhan antara komponen dalam sistem ekologi, iaitu satu cabang ilmu yang mempelajari seluruh pola hubungan timbal balik antara satu spesies dengan spesies yang lain dan semua komponen yang ada di sekitarnya. Banyak komponen terhasil daripada interaksi antara alam semulajadi dan manusia. Bersandarkan alasan ini, istilah "ekosistem" telah digunakan untuk menggambarkan persekitaran yang mengandungi alam semulajadi, termasuk manusia.

1.6.4 Kritikan Eko

Kritikan ini merupakan kajian kesusasteraan dan persekitaran dari sudut pandang interdisiplin yang menggunakan semua ilmu secara bersama untuk menganalisis persekitaran berdasarkan isu persekitaran yang dipaparkan penulis dalam karya sastera. Kajian ini melihat hubungan antara sastera dan sains ekologi, dan bagaimana konsep-konsep sains ekologi itu diterapkan ke dalam karya sastera. Tumpuan kritikan eko dalam sastera bertujuan melihat dan menganalisis kehadiran unsur alam semulajadi dalam karya, pembinaan karya dan pelbagai isu membabitkan krisis alam semula jadi dalam karya (Oppermann, 1999).

Kritikan eko adalah kritikan yang timbul dan diorientasikan ke arah satu kebimbangan tentang “interaksi kemanusiaan yang wujud antara manusia dan bukan manusia” dengan menghubungkan budaya manusia kepada dunia fizikal, pengaruh dan mempengaruhi (Garrard, 2004:5). Ia mengkaji penulisan berkaitan alam sekitar dengan cara menggunakan pendekatan, penelitian, implikasi-implikasi ekologi, tindak balas, masalah-masalah, atau krisis dan hubungan-hubungan semulajadi manusia dalam mana-mana teks sastera, meluaskan analisis terhadap kehidupan dan kawasan semulajadi, dan mengubah pandangan terhadapnya serta budaya setempat (Slovic, 2004; Sarver, 1994; Dean, 1994).

Kritikan eko telah diperkenalkan secara rasmi dengan terbitnya dua karya: *Ecocriticism Reader* (1996), diedit oleh Cheryll Glotfelty dan Harold Fromm, dan buku *The Environmental Imagination* (1996) oleh Lawrence Buell. Howarth (1996) telah mengemukakan empat prinsip yang saling berhubungan mendasari kritikan ini, iaitu ekologi, etika, bahasa dan kritikan.

1.6.5 Spesies

Definisi kata “spesies” yang klasik dan digunakan dengan meluas dikenali sebagai konsep spesies biologi, telah dikemukakan oleh ahli biologi evolusi terkenal iaitu Ernst Mayr pada 1942. Ia merupakan satu konsep biologi yang menerangkan tentang spesies sebagai satu populasi atau kelompok populasi yang anggotanya mewakili kumpulan untuk saling mengahwini satu sama lain di persekitaran dan menghasilkan keturunan yang dapat hidup dan subur, namun tidak menghasilkan keturunan yang hidup dan subur jika dikahwinkan dengan spesies yang lain. Dengan kata lain, satu spesies biologi adalah unit populasi terbesar yang memungkinkan pertukaran genetik dan terisolasi secara genetik (Neil, & Lawrence, 2003). Walaupun begitu, Richard (2007) dan Katiman & Asmah (2006) berpendapat istilah “spesies” pertama kali telah dideskripsikan Charles Darwin dan Alfred Russes Wallace melalui teori evolusi (pembentukan spesies baru secara perlahan-lahan) yang secara biologinya ditakrifkan sebagai sekelompok individu yang berpotensi untuk membiak sesama sendiri tetapi tidak mampu untuk membiak dengan spesies yang lain. Pendekatan ini lebih diutamakan kerana wujud hubungan genetik dan perkahwinan. Pendapat ini juga sejajar dengan *Kamus Dewan* (2004) yang telah definisikan spesies sebagai golongan benda (binatang, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain) yang mempunyai sifat yang sama atau bersamaan bangsa dan jenis. *Kamus Biologi* (2007) menjelaskan tentang pengertian ini secara lebih spesifik dengan menyatakan spesies sebagai satu makhluk yang memiliki

banyak persamaan morfologi dan fungsi dengan jumlah dan susunan kromosom yang sama. Individu dalam spesies yang sama dapat dikahwinkan dan mendapat anak yang hidup dan subur (Wildan Yatim, 2007).

Secara mudah, kata spesies merujuk kepada organisma yang sama jenis dan kumpulan yang mampu membiak dan membesar apabila dibiakkan dengan ahli kumpulan sama. Populasi dalam spesies yang pelbagai akan membentuk perkumpulan yang kompleks dipanggil komuniti. Sebuah komuniti biologi mengandungi spesies yang saling berinteraksi, kebiasaannya tinggal di dalam sesuatu kawasan (Fieman, 2008). Dalam sesebuah ekosistem, manusia adalah spesies organisma yang dominan ekologi (Wagner, 1974). Kedominanan ini membolehkan manusia menawan dan mengubah ekosistem. Mereka bersaing dan menang kerana mampu mengatasi mana-mana organisma lain dalam kegiatan memenuhi keperluan hidup terutamanya pemakanan, perlindungan dan pembiakan dalam persekitaran fizikal yang sama. Kedominanan haiwan tidak hanya kerana saiz yang besar atau bilangan yang banyak, tetapi juga kerana keupayaan bergerak pantas, bersifat agresif, kurang musuh pembinasakan dan pintar. Tindakan manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya boleh meninggalkan kesan sama ada ke atas organisma lain ataupun habitat yang didiami. Keupayaan bersaing yang tinggi dan impak ekologi yang lebih besar dicipta menunjukkan bahawa manusia adalah spesies organisma yang hebat dan dominan ekologi. Dalam proses itu mereka meninggalkan kesan yang lebih ketara ke atas alam sekitar berbanding organisma lain dalam ekosistem (Wagner 1974; Katiman & Asmah, 2006).

1.6.6 Persaingan antara Spesies

Odum (1996) berpendapat bahawa organisma hidup dan persekitarannya (abiosis) sentiasa berkait, berinteraksi dan tidak dapat dipisahkan. Persaingan merupakan suatu proses aktif bagi individu; bersaing mendapatkan keperluan asas untuk hidup seperti air,

cahaya matahari dan makanan, bersaing untuk mendapatkan sesuatu matlamat asasi, bersaing untuk mencuba sesuatu yang lebih baik daripada yang lain sehingga wujud pihak yang menang dan pihak yang kalah. Ia berlaku apabila dua atau lebih spesies mengalami gangguan untuk mendapatkan bahan asas di dalam satu-satu kawasan (Dick Neal, 2004; Odum, 1996; Cain et.al, 2007; Enger, Ross & Bailey, 2009), iaitu, melakukan perkara yang sama sehingga menyebabkan perkembangan spesies lain terencat. Dalam erti kata yang lebih luas, persaingan merujuk kepada saling tindakan dua organisma yang berebut untuk mendapatkan keperluan yang sama dalam kuantiti terhad. Persaingan antara spesies adalah sebarang saling tindakan antara dua atau lebih populasi spesies yang boleh menyebabkan kesan buruk kepada pertumbuhan dan kemandirian kedua-duanya (Edger, 2009; Enger & Bailey; 2009). Kekurangan peluang untuk mendapatkan sumber akan menghalang individu daripada hidup mandiri dengan lebih baik (Fieeman, 2008; Cain et.al, 2007).

Dalam sesuatu ekosistem, keperluan-keperluan seperti bahan-bahan nutrien, oksigen, cahaya dan lain-lain lagi sangat terhad dan hanya mencukupi untuk menampung sejumlah kecil individu sahaja. Setiap individu bersaing untuk mendapatkan keperluan mereka. Jumlah individu dalam sesuatu populasi sentiasa dihadkan kepada satu had yang sesuai dengan keupayaan organisma untuk berfungsi dengan baik dan sempurna. Had ini wujud apabila berlaku persaingan yang menjadi mekanisma daya yang sangat berkesan dalam pemilihan semula jadi. Jika terdapat dua spesies bersaing untuk mendapatkan jenis makanan yang sama, hanya spesies yang lebih kuat akan berjaya, manakala spesies yang tidak berjaya itu akan luput atau pupus secara perlahan-lahan (Wahab Abd. Rahman, 1984).

Dua spesies yang berkongsi sumber bahan yang sama akan menyebabkan kesan negatif terhadap kedua-dua belah pihak. Spesies yang kuat menjadi pesaing kepada spesies yang lemah. Lama-kelamaan persaingan berkenaan akan menyingkirkan spesies

yang lemah hingga berlaku kepupusan. Interaksi sebegini meninggalkan kesan yang sangat besar (termasuk evolusi) dalam komuniti semula jadi pada setiap peringkat dalam hierarki biologi (Katiman & Asmah, 2006; Cain et al, 2007). Persaingan juga wujud dikalangan spesies yang sama dan hidup secara bersama kerana banyak spesies yang berkongsi sumber bersama dalam sistem terbuka semula jadi (terutamanya dalam ekosistem yang matang dan stabil), bukan sahaja berlaku antara spesies yang berbeza. Saling tindakan ini juga wujud antara dua populasi yang menghasilkan kesan negatif terhadap pertumbuhan dan kemandirian salah satu daripada populasinya (Odum, 1996). Persaingan yang berterusan dalam satu spesies yang sama akan menyebabkan perubahan terhadap terhadap ciri fizikal sesuatu spesies berkenaan, lebih kepada spesies yang dominan dalam sesuatu persaingan (Cain et al, 2007). Persaingan antara spesies menghasilkan pelarasan keseimbangan, atau mengakibatkan satu populasi spesies menggantikan spesies lain atau memaksanya menduduki ruang lain atau menggunakan keperluan spesies lain, atau apa sahaja yang asas bagi tindakan persaingan (Odum, 1996).

1.7 Kajian Lepas

Eko-religion yang mendalami persekitaran antara agama dan alam telah dijadikan model kajian Bigell (2006) dalam kajian Doktor Falsafah di Universiti Tromsø. Kajian "*Distinction But Not Separation. Edward Abbey's Conceptualization Of Nature*" menganalisis konsep alam dalam konteks agama dalam karya Edward Abbey. Kajian ini mendapati bahawa terdapat perkaitan antara agama dan alam sekitar yang kompleks sifatnya dengan mensasarkan kepada perdamaian sejagat. Walaupun Abbey menyokong pergerakan alam sekitar yang radikal di Amerika Syarikat, tetapi beliau tetap menyandarkan novelnya kepada tema pastoral dan keagamaan yang menyakini bahawa manusia dan alam semula jadi tidak dapat dipisahkan. Dalam pertembungan tersebut,

manusia perlu menghayati nilai-nilai keagamaan supaya berlaku keseimbangan. Tesis Bigell (2006) memberi gambaran awal tentang kajian ini terutama pada bahagian persaingan antara pribumi dan kuasa supernatural.

Tesis Squire (2011) berjudul "*Regional Consciousness in American Literature, 1860-1930*" menemukan satu bentuk persefahaman serantau antara teori sastera, kritikan eko dan keagamaan, sehingga arah kajian yang dilakukan ini telah dijadikan panduan bagi memahami komponen keagamaan dalam karya sastera di Amerika Syarikat pada akhir abad 19 dan awal abad ke-20. Objektif kajian Doktor Falsafah di Universiti Marquette ini mengkaji tentang perkaitan transformasi keagamaan berdasarkan hubungan antara manusia dan alam dari sudut etika dan ekologi alam sekitar dalam novel. Kajian ini merumuskan bahawa terdapat satu bentuk aliran bersifat "identiti serantau" yang dihasilkan penulis dengan menyentuh secara serius tentang isu-isu geografi fizikal, budaya, pengasingan kaum, keagamaan dan kelas sosial, dan pada masa yang sama memberi penekanan terhadap kepentingan peranan sastera dalam pembinaan budaya tempatan. Tesis Squire (2011) juga menjadi panduan dalam menganalisis kajian ini dari sudut persaingan masyarakat pribumi dan kuasa supernatural dari sudut keagamaan.

Ryan (2011) menghasilkan tesis doktor falsafah berjudul "*Plants, People And Place: Cultural Botany And The Southwest Australian Flora*" di Universiti Edith Cowan. Objektif kajian ini adalah menganalisis perkaitan karya sastera dan alam dari sudut seni visual. Ia melibatkan aplikasi estetika alam sekitar dari perspektif teori floraesthesia. Analisis ini melibatkan nilai estetik dan seni budaya dalam karya sastera awal di Australia Barat. Kajian Ryan menyimpulkan bahawa penulis membicarakan nilai estetika dari sudut visual di dalam karya dan turut memberi perhatian kepada isu alam sekitar yang dikaitkan dengan emosi. Keindahan bunga-bunga dan alam sekitar mempengaruhi budaya seterusnya mewujudkan interaksi antara manusia dan alam.

Kajian Ryan (2011) mempunyai persamaan dengan kajian ini dari sudut kecenderungan pengarang menggunakan persekitaran untuk mempersembahkan nilai estetika dalam karya. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih fokuskan analisis dari sudut penggunaan gaya bahasa dalam novel berbanding nilai estetika secara visual.

Kajian Doktor Falsafah Daniels (1995) bertajuk "*Savages Versus Settlers, Wildness Versus Wheatfields: An Ecocritical Approach To The (European) Settlement Story In Early Canadian Prairie Fiction*" di Universiti Saskatchewan. Tesis ini mengkaji tentang alam sekitar dalam karya pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 menggunakan pendekatan falsafah budaya dalam kajian ekologi. Kajian ini menilai persekitaran semulajadi dan pertembungan budaya Eropah dalam masyarakat pribumi Metis kesan daripada penerokaan tanah oleh golongan pendatang bagi mengisi keperluan ekonomi dan perkembangan industri. Migrasi dan pergerakan masyarakat pribumi serta masyarakat kacukan hasil pertembungan pendatang Eropah dengan penduduk pribumi berlaku melalui perkahwinan, masalah sosial dan penipuan terhadap golongan pribumi pendatang. Tesis ini mempunyai persamaan dari sudut persaingan antara masyarakat pribumi dan bagaimana penjajah menguasai masyarakat tempatan melalui persaingan.

Di Malaysia, Zurinah Hassan (2008) menghasilkan tesis Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya berjudul "*Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu*". Objektif tesis ini untuk menilai ketepatan dan kesesuaian teori Pengkaedahan Melayu di dalam mengkaji hasil kesusasteraan Melayu khasnya puisi moden (sajak) dan mengesahkan rumusan yang dibuat oleh Hashim Awang bahawa alam dan agama Islam adalah teras penciptaan kesusasteraan Melayu. Tesis ini melibatkan kajian terhadap penggunaan unsur alam di dalam puisi dan pengaruh agama Islam dalam karya-karya terpilih melalui analisis perkataan yang mengandungi objek alam. Kajian Zurinah Hassan (2008) mempunyai persamaan dengan kajian ini dari

sudut analisis gaya bahasa yang dilakukan pada bab enam. Analisis tersebut merangkumi penggunaan perlambangan dan bahasa kiasan seperti metafora, simili dan personafikasi dalam novel kajian yang menggambarkan wujud hubungan antara karya dan alam sekitar dari sudut bahasa.

Muhamad Fadzil (2012) dalam kajian doktor Falsafah di Universiti Putera Malaysia bertajuk “*Kosmologi dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan*” menggunakan teori pengkaedahan Melayu. Objektif kajian ini menganalisis puisi-puisi Zurinah Hassan menggunakan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan dalam teori Pengkaedahan Melayu, menemukan unsur-unsur kosmologi biotik dan kosmologi abiotik. Walaupun Muhamad Fadzil (2012) menganalisis puisi-puisi Zurinah Hassan, namun berpengaruh terhadap kajian ini kerana mengangkat persoalan alam sekitar dari sudut gaya bahasa dalam karya. Tesis PhD ini menyatakan bahawa terdapat kajian yang meneliti hubungan antara sastera dan persekitaran pernah dilakukan di peringkat doktor falsafah di Malaysia walaupun tidak menggunakan kritikan eko.

Di peringkat sarjana, Drown (2011) dalam tesis Master dari Universiti San Marcos berjudul “*Islandscapes And Savages: Ecocriticism And Man Melville’s Typee*”, telah menganalisis karya separa autobiografi masyarakat Typee dengan menggunakan kritikan eko dan teori pengaruh dalam kajian. Analisis daripada kedua-dua teori ini mendapati bahawa terdapat penerimaan dan pengantarabangsaan terhadap seni dan budaya Amerika khususnya sikap terhadap alam semula jadi. Karya-karya yang dihasilkan menggunakan sudut pandangan dualisme naratif berkaitan gender, penjajahan, alam semulajadi, kelestarian alam, dan pemikiran terhadap alam semulajadi serta digunakan untuk meneliti peranan masyarakat Typee melibatkan ekologi dan migrasi dalam budaya Amerika. Terdapat persamaan dalam kajian Drown (2011) dan kajian ini dari sudut perjuangan masyarakat pribumi untuk mengekalkan kesemulajadian alam sekitar dan migrasi. Kajian Drown (2011) juga membantu

pengkaji untuk memahami aspek-aspek persaingan dan perjuangan masyarakat pribumi dalam mengekalkan alam semula jadi.

Penyelidikan Sarjana Sastera dari Universiti Canterbury dilakukan White (2007) bertajuk "*From the Sublime to the Rebellious: Representations of Nature in the Urban Novels of a Contemporary New Zealand Author*". White (2007) telah mengkaji tentang kebimbangan terhadap kemusnahan alam sekitar kesan daripada proses pembandaran dan industri di New Zealand dan membuat perbandingan dengan perkembangan sastera negara Eropah lain. Objektif kajian ini adalah, pertama, menentukan peranan alam semula jadi dalam fiksyen dengan membincangkan bagaimana watak-watak melihat dan berinteraksi dengan alam semula jadi. Kedua, bagaimana alam dikekalkan atau diubah berbanding zaman sebelumnya dan mencadangkan pembangunan lestari, dan ketiga, peranan alam dalam pembangunan kontemporari. Tesis ini mendapati bahawa, walaupun kehadiran elemen alam semulajadi adalah dominan dalam karya, namun para pengkritik kesusasteraan mematuhi kecenderungan penulis muda untuk mengabaikan tema yang memihak kepada manusia, bandar dan budaya tetapi lebih memihak kepada alam. Terdapat sedikit persamaan antara kajian ini dan model tesis White (2007) dari sudut keinginan untuk mendapatkan pembangunan yang seimbang antara pembangunan dan keperluan manusia dengan kelestarian alam melibatkan kesan guna tanah (pembinaan empangan, pembalakan dan aktiviti pertanian) dan kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran (pencemaran air, udara dan bunyi).

Bacon (2010) dalam kajian peringkat Master bertajuk "*Edith Wharton's dark ecology: representations of nature in three major novels*" di Universiti Oregon menghuraikan bagaimana idealisasi alam sekitar memenuhi fungsi sosial khususnya dari sudut gender, hak, keistimewaan dan perdagangan secara seimbang. Kajian ini menganalisis karya menggunakan kritikan eko dengan mengkaji bagaimana teori kritikan mampu menganalisis karya. Objektif utama adalah mencari bagaimana

terbentuk hubungan antara masyarakat dan alam semula jadi dalam karya sastera dan menjawab persoalan berkaitan kebimbangan terhadap hubungan tersebut yang sentiasa berubah-ubah. Gandingan ini melibatkan keperluan manusia menghayati etika menurut pandangan agama bagi mengekang ketamakan dan kehalobaan material yang menyebabkan mereka memusnahkan alam sekitar dengan rakus. Pada keseluruhannya, para penyelidik yang berorientasikan agama Kristian telah menjalankan kajian bertemakan pertembungan antara manusia dan alam sekitar dari pelbagai sudut pandangan. Semua kajian tentang hubungan antara agama dan alam dalam kajian Bacon (2010) dijadikan model apabila menganalisis tentang persaingan antara masyarakat pribumi dan kuasa supernatural.

Kajian yang benar-benar menjurus tentang hubungan antara alam sekitar dalam bidang kesusasteraan sangat terhad di Malaysia. Thong (2004) dalam kajiannya "*Kesusasteraan Mahua yang Bertemakan Cintai Alam Sekitar*" merupakan antara pengkaji terawal yang meneliti tentang kesusasteraan mahua di Sarawak bertemakan cintai alam sekitar. Disertasi peringkat Master di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya ini memfokuskan kajian kepada konsep kesedaran pemeliharaan alam sekitar yang disalurkan dalam sastera mahua dalam tempoh 1989 hingga 1999 di Sarawak. Analisis ini memperlihatkan sikap, pengamatan dan pesanan para penulis mahua dalam penulisan berkaitan alam sekitar seperti kesan penerokaan hutan, pencemaran sungai, kemusnahan sistem ekologi, gejala urbanisasi, kegelisahan pribumi akibat pembinaan empangan, termasuk rasa nostalgia masyarakat terhadap alam semulajadi dan kampung halaman mereka di negara asal (China). Walaupun kajian ini tidak melibatkan karya penulis Sarawak, namun kajian penggunaan elemen alam sekitar dalam karya sastera ini merupakan antara kajian awal dilakukan para pengkaji di Malaysia sebelum mendapat perhatian yang serius dalam kajian yang lain. Karya-karya berkenaan juga berpaksikan tanah asal mereka (China), bukannya negeri Sarawak.

Kajian dari sudut estetika bertajuk “*Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan dalam Puisi Melayu Moden*” turut dilakukan Zurinah Hassan (2001) dalam kajian tesis Master di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini menganalisis penggunaan unsur alam sebagai perlambangan di dalam puisi Melayu moden dengan mengenal pasti sumber pembinaan sesebuah metafora, simili dan personifikasi. Kajian ini menemukan bahawa terdapat keseragaman dan persamaan di dalam penggunaan lambang dan perlambangan antara penyair walaupun mereka menulis secara individu dari tempat yang berlainan. Walaupun kajian Zurinah Hassan (2001) memfokuskan perlambangan dalam kajian puisi, namun mempunyai sedikit persamaan dengan kajian ini dari sudut kajian bahasa. Bab enam kajian ini menganalisis tentang bagaimana gaya bahasa berfungsi untuk mengetengahkan elemen alam sekitar dalam karya.

Kajian Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia tentang penilaian kehadiran alam sekitar dalam karya sastera juga telah dilakukan Janudin (2000) bertajuk “*Puisi Alam Sekitar Di Andalus dan Sedikit Bandingan dengan Puisi Melayu Moden: Kajian dari Sudut Tema dan Gaya Bahasa*”. Fokus kajian ini adalah puisi alam sekitar dalam kesusasteraan Arab di Andalus dan membandingkannya dengan puisi Melayu moden yang berlatarbelakangkan keharmonian alam sekitar. Objektif utama kajian adalah meneliti imejan flora dan fauna dalam puisi terpilih dan peranan kedua-duanya dalam mempengaruhi idea dan ilham penyair untuk membentuk tema dan gaya bahasa puisi. Seterusnya, puisi-puisi Andalus akan dibandingkan dengan puisi dari Malaysia untuk melihat kedua-dua peradaban bersandarkan inspirasi alam sekitar terhadap konsep tema dan sudut pembentukan gaya bahasa. Kajian dilakukan Janudin (2000) tidak mempunyai kaitan dengan kajian ini kecuali fokus alam sekitar yang digunakan. Tesis ini dikemukakan sebagai gambaran bahawa kajian berkaitan alam sekitar telah dilakukan di Malaysia sebelum kajian ini tetapi dalam bidang puisi.

Wong (2000) dalam tesis sarjana sasteranya berjudul “*Perkembangan Sastera Cina Di Sarawak (1950-1962)*” memberi tumpuan kepada pengajian sastera Cina Sarawak antara tahun lima puluhan hingga awal tahun enam puluhan. Tesis dari Jabatan Pengajian Tionghoa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya ini memfokuskan kajian tentang kemunculan aliran pemikiran masyarakat dan latar zaman pada tahun kajian di Sarawak berkaitan identiti kewarganegaraan, fahaman sosialis dan pegangan serta pengorbanan mereka mencapai hasrat revolusi. Karya sastera menjadi sumber inspirasi ke arah kesedaran politik Sarawak dan menjadi bahan terhadap penyatuan rakyat, malah penulisnya turut menjadi pemimpin dalam gerakan anti-penjajahan. Sastera Cina Sarawak dalam tempoh kajian ini mewarisi tradisi sastera negara China dari segi gambaran realiti dan kebenaran sehingga mencipta keunikan dan identiti yang tersendiri dalam pengisiannya. Walaupun kajian ini mengetengahkan karya sastera dihasilkan etnik Cina di Sarawak, namun kajian ini tidak memfokuskan terhadap kehadiran alam sekitar dalam karya. Kajian Wong (2000) hanya memberi gambaran bahawa terdapat kajian kesusasteraan dilakukan di Sarawak walaupun kajian berkenaan tidak berkaitan dengan kajian ini.

Beberapa tesis berkaitan suara masyarakat pribumi yang tertindas mempunyai persamaan dari sudut model yang digunakan. Kajian-kajian dilakukan Walden (2011), Down (2011), Egan (2009), Lin (2009), dan Daniels (1995) mempunyai hubungan yang jelas dengan kajian ini terutama dari sudut persaingan antara spesies iaitu persaingan antara manusia dan manusia dari sudut masyarakat pribumi, penjajah, masyarakat tempatan, malah melibatkan persaingan antara manusia dan alam iaitu antara penjajah, masyarakat pribumi dan alam. Persaingan untuk memperolehi sumber alam menyebabkan terdapat golongan menjadi penindas dan segolongan lagi telah tertindas. Dalam kajian ini, masyarakat pribumi yang terlibat adalah masyarakat Penan, Dayak,

Selako dan Melanau yang masih kuat berpegang kepada budaya, cara hidup dan amalan suku kaum mereka sejak turun temurun.

Walaupun banyak kajian tentang negeri Sarawak dilakukan seperti kajian budaya yang dilakukan oleh Noria Anak Tugang (2004) yang melihat dari sudut latar belakang masyarakat Iban di Sarawak, Siang Prede (2002) dan Chua, L.C.L (2007) mengkaji tentang adat masyarakat Bidayuh, dan Welyne Jeffrey Jehom (1999) menangani beberapa isu-isu yang berkaitan dengan hubungan etnik di negeri itu, tetapi semua kajian ini menjurus kepada kajian budaya. Ribka Alan (2008) pula mengkaji bagaimana terhadnya alat komunikasi menyebabkan berlaku kekurangan untuk mendapatkan maklumat dalam bidang pertanian. Kajian ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian Alan (2008) dari sudut impak alam sekitar terhadap bidang pertanian, walau bagaimanapun kajian tersebut tidak melibatkan bidang kesusasteraan langsung. Kajian Doktor Falsafah, Hassan Bin Hasbollah (2006) pula membincangkan tautan dalam wacana mantera etnik Kedayan Sarawak dan kajian Chemaline Osup (2006) menganalisis puisi rakyat Iban (Leka Main). Walaupun kedua-dua kajian dilakukan Hassan Bin Hasbollah (2006) dan Chemaline Osup (2006) mempunyai persamaan dari sudut kesusasteraan (mantera dan puisi rakyat), tetapi fokusnya masih terarah kepada budaya dan tidak menggunakan pendekatan kritikan eko.

Kajian yang dijalankan di Malaysia pada tahap ini masih lagi mencari arah tuju dan acuan tentang gabungan dua bidang ini iaitu sastera dan alam sekitar. Kajian dilakukan Thong (2004) memang berkaitan hubungan antara sastera dan alam sekitar, tetapi memfokuskan kepada sastera mahua di Sarawak. Wong (2000) pula mengkaji tentang sastera Cina di Sarawak tanpa memfokuskan kepada isu alam sekitar. Janudin (2000), Zurinah Hassan (2008) dan Zurinah Hassan (2001) dalam kajian mereka menjuruskan kajian terhadap hubungan antara sastera dan alam sekitar, tetapi ketiga-tiga kajian ini menganalisis puisi, bukannya novel Sarawak. Kajian tersebut juga tidak

menggunakan kritikan eko sebagai landasan untuk menganalisis karya. Namun begitu, kajian tersebut membuktikan bahawa telah wujud penelitian sastera mengaitkan alam sekitar dalam kesusasteraan di Malaysia dan menjadi kajian awal yang boleh dimantapkan lagi walaupun tidak menggunakan kritikan eko.

Berdasarkan penelitian yang dilakukan terhadap pelbagai kajian berkaitan kritikan eko di dalam dan luar negara, didapati bahawa terdapat perbezaan yang sangat ketara dalam kajian-kajian berkenaan. Kajian ilmiah yang dilakukan para sarjana di luar negara lebih bersifat mendalam dan jelas ruang lingkup, persoalan alam sekitar dan konsep ekologi yang digunakan berbanding kajian-kajian dibuat di Malaysia. Banyak kajian berkaitan masyarakat pribumi seperti Iban, Bidayuh, Penan dan Punan lebih terarah kepada sosiologi dan ekonomi tanpa menyisipkan tentang fungsi dan peranan kehadiran alam dan perkaitan dengan struktur masyarakat berkenaan. Situasi sebegini berlaku kerana terhadapnya penghasilan karya sastera yang mengadunkan persoalan alam dan interaksi yang berlaku. Diteliti daripada semua kajian lepas yang telah dihasilkan, didapati bahawa masih banyak lompang yang memerlukan kajian lebih terperinci dilakukan, antaranya menyatakan dengan jelas tentang definisi dan konsep alam sekitar, memperincikan dengan jelas ruang lingkup kritikan eko supaya kritikan ini lebih didalami dan menjadi panduan terhadap kajian seterusnya, seterusnya mengkaji tentang alam sekitar dalam karya sastera dengan lebih mendalam dari sudut persoalan alam yang diungkapkan pengarang dalam karya, bukan sekadar bersandarkan lambang semata-mata.

Kajian ini akan mengkaji tentang empat perkara pokok yang terdapat dalam rangkuman kritikan eko dan mendapat perhatian pengarang novel dari Sarawak, tetapi belum dikaji secara mendalam menggunakan kritikan eko, iaitu; persaingan antara spesies, kesan guna tanah akibat pembangunan terhadap alam sekitar, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dan kajian gaya bahasa dalam novel yang

memaparkan hubungan antara karya dan alam. Ini bermakna, kajian ini menggunakan sebahagian elemen alam sekitar yang pernah dikaji oleh pengkaji lain berkaitan masyarakat pribumi, kemerosotan mutu alam sekitar melalui aktiviti pertanian, pembinaan empangan dan pembalakan, seterusnya meneliti kesan gunatanah terhadap alam sekitar melalui pencemaran udara, air dan sungai. Dari sudut bahasa dan perlambangan pula, kajian alam meliputi elemen flora, fauna, alam sekitar semula jadi, faktor alam sekitar biotik dan alam sekitar abiotik. Semua elemen ini telah distrukturkan dalam empat komponen utama iaitu persaingan antara spesies, kesan guna tanah akibat pembangunan dan kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran dan kajian dari sudut gaya bahasa.

1.8 Organisasi bab

Bab satu merupakan latar belakang kajian mengandungi pengenalan terhadap keseluruhan kajian. Bab ini mengupas tentang latar belakang, masalah, objektif, kepentingan, kajian-kajian lepas, metodologi, definisi dan konsep alam dan organisasi bagi setiap bab. Bab dua pula mengupas tentang kritikan Eko dalam sastera yang akan memperkenalkan perkaitan antara sastera dan alam sekitar. Dalam bab ini, diperkenalkan tentang kritikan sastera ekologi (Kritikan eko) termasuk ruang lingkup dan prinsip kritikan eko digunakan oleh William Howarth (1996) yang diguna pakai untuk menganalisis novel kajian. Bab ini juga menghuraikan asas analisis atau kerangka kajian yang diaplikasikan dalam bab tiga, empat, lima dan enam iaitu persaingan antara spesies, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, impak guna tanah terhadap alam sekitar dan penggunaan bahasa untuk memaparkan unsur alam dalam novel kajian.

Bab tiga adalah bab analisis yang akan menggunakan kritikan Eko dalam novel-novel pilihan pengarang Sarawak dari sudut persaingan antara spesies. Persaingan antara spesies akan dibahagikan kepada persaingan intraspesies dan persaingan

interspesies. Kedua-dua bahagian ini pula mengandungi beberapa bahagian lain yang dianalisis setiap satunya secara terperinci.

Bab empat menganalisis novel-novel Sarawak dari sudut kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, iaitu pencemaran udara, pencemaran air dan pencemaran bunyi. Novel-novel yang dikupas mempamerkan bagaimana berlaku kemerosotan alam sekitar ekoran gangguan terhadap alam sekitar semulajadi sehingga tercetus pencemaran. Pengarang mengungkapkan persoalan alam sekitar dalam karya kreatif dengan mengemukakan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencemaran, impak yang perlu ditanggung masyarakat setempat akibat kemerosotan mutu alam sekitar sehingga akhirnya menyerlahkan kesan terhadap ketidakseimbangan tersebut.

Bab lima merupakan analisis terhadap novel kajian menjurus kepada kesan yang dibawa akibat eksploitasi alam melalui guna tanah yang keterlaluan sehingga tidak mampu ditampunginya secara semulajadi. Kesan guna tanah dalam analisis ini memfokuskan kepada kesan pembalakan, pembinaan empangan dan aktiviti pertanian.

Dalam bab enam, analisis teks melibatkan bagaimana pengarang menggunakan gaya bahasa untuk memaparkan krisis alam sekitar yang berlaku. Analisis berkenaan melibatkan penggunaan perlambangan dan gaya bahasa kiasan. Perlambangan dari sudut alam abiotik dan alam biotik dianalisis dalam bab ini bagi mengesan bagaimana alam digunakan sebagai sebahagian daripada gaya bahasa, manakala bahasa kiasan meliputi tiga sudut kajian iaitu metafora, simili dan personifikasi. Akhirnya, bab tujuh menjadi bab penutup yang akan menyimpulkan semua penulisan dalam kajian ini. Semua perbincangan dan dapatan kajian akan dirumuskan dalam bab ini, selain mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dilakukan dalam penyelidikan pada masa akan datang.

1.9 Kesimpulan

Kajian terhadap karya sastera dari sudut alam sekitar secara mendalam dan menyeluruh dapat memberi interpretasi yang berbeza terhadap karya terbabit. Dunia sastera di Malaysia perlu lebih bersifat terbuka untuk mewarnai analisis daripada pelbagai padanan ilmu lain seperti alam sekitar sebagai satu usaha kearah pementapan bidang berkenaan.

Penelitian terhadap novel Sarawak dari sudut alam sekitar mampu melihat karya berkenaan dengan lebih meluas sama ada dari sudut alam sekitar semulajadi atau alam sekitar buatan manusia. Kajian alam sekitar juga boleh meneliti karya dari sudut alam sekitar sosio-budaya yang menjadi identiti dan kekuatan tersendiri dalam karya-karya penulis Sarawak. Analisis sebegini mampu membincangkan karya terbabit secara adil, saksama dan menyeluruh sifatnya.

Sejak tahun tujuh puluhan, penelitian karya sastera dari sudut alam sekitar telah dilakukan dalam sastera di Malaysia seperti tulisan-tulisan Shahnnon Ahmad, namun unsur alam sekitar dalam kajian terdahulu melihatnya secara selapis sahaja iaitu lebih tertumpu terhadap komponen alam sekitar yang digunakan dalam bentuk keindahan dan perlambangan. Walau bagaimanapun, persoalan alam sekitar yang lebih kompleks seperti perkaitan antara satu unsur alam sekitar dengan komponen yang lain serta bagaimana interaksi yang tidak seimbang antara alam dan kegiatan manusia kurang dibincangkan walaupun terdapat banyak novel telah mengaplikasikannya. Novel-novel seperti *Transgenesis: Bisikan Rimba* (Amir Husaini, 2008) lebih mencabar untuk dianalisis menggunakan pendekatan etika alam sekitar, *Daerah Beta* (Azizi Haji Abdullah, 2009) berkaitan kesan radioaktif kepada alam sekitar, *Desir Angin Di Perbukitan* (Mohamad Kholid, 2008) mengenai pelaksanaan pembangunan lestari sebagai usaha menseimbangkan keperluan pembangunan manusia dan kelestarian alam, dan banyak novel lain.

Walaupun pada peringkat awal, penghasilan karya sastera cenderung memanipulasikan sumber alam semulajadi sebagai paparan keindahan dan menampilkan dalam bentuk tanda dan lambang, namun kini perubahan mula berlaku secara perlahan-lahan. Kehadiran unsur, elemen dan jagat alam sekitar dalam karya sastera berfungsi sebagai satu bentuk pemikiran yang mementingkan interaksi secara harmoni dengan persekitaran. Tahap kesedaran dikalangan penulis semakin meningkat dan sama-sama memperjuangkan hak alam sekitar yang sepatutnya dijaga dan dilindungi, bukannya dieksploitasi tanpa kawalan. Hubungan antara alam dan manusia mula diketengahkan pengarang dengan lebih mendalam dan kompleks dengan melihat kegiatan pembangunan dan eksploitasi alam seperti guna tanah dan pembalakan dari sisi yang berbeza.